منتري ڤنرڠن كومونيكاسي دان كبودايا ن مليسيا

MENTERI PENERANGAN KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA
*MINISTER OF INFORMATION COMMUNICATIONS AND CULTURE MALAYSIA*

**AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998**

**PERUBAHAN KEPADA ARAHAN MENTERI MENGENAI KOS SAMBUNGTARA MUDAH ALIH (ARAHAN MENTERI NO. 2 TAHUN 2010)**

**ARAHAN No. 4 TAHUN 2010**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 dan 8 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*], Menteri dengan ini mengeluarkan arahan yang berikut kepada Suruhanjaya:

**Pemakaian dan tarikh kuat kuasa**

1. Arahan ini boleh disebut sebagai **Perubahan Kepada Arahan Menteri Mengenai Kos Sambungtara Mudah Alih (Arahan Menteri No. 2 Tahun 2010), Arahan Menteri No. 4 Tahun 2010** dan mula berkuat kuasa pada tarikh pendaftaran Arahan ini.

**Tafsiran**

2. Dalam Arahan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, hendaklah ditafsirkan mengikut dan tertakluk kepada Akta atau Peraturan-Peraturan di bawahnya.

**Perubahan perenggan 2**

3. Arahan Menteri No. 2 Tahun 2010 diubah dalam perenggan 2 dengan menggantikan perkataan "3 sen" dengan perkataan "5 sen".

**Lain-lain peruntukan Arahan Menteri No. 2 Tahun 2010 terus berkuat kuasa**

4. Melainkan perubahan yang dinyatakan dalam Arahan ini, peruntukan-peruntukan Arahan Menteri No. 2 Tahun 2010 yang lain hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan.

Tarikh: 24 Jun 2010

[ KPKK:SKOM.KM(S)600-1/2 (4) ]

**DATO' SERI UTAMA DR. RAIS YATIM**
Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan



Bangunan Sultan Abdul Samad, Jalan Raja, 50694 Kuala Lumpur • Tel: 603-2612 7777 Faks: 603-2691 1943
Tingkat 8, Wisma TV Angkasapuri, Bukit Putra, 50610 Kuala Lumpur • Tel: 603-2282 7046 Faks: 603-2282 3323